



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 24 April 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN tubuh jawatankuasa khas pantau harga, bekalan barangan

Penubuhan dapat kelulusan Kabinet bagi perkara, struktur kerjasama rentas kementerian

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menubuhkan jawatankuasa teknikal, khusus bagi menyelaras semua tindakan yang diambil untuk memastikan kestabilan harga serta keberadaan bekalan barangan dalam pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata penubuhan Jawatankuasa Teknikal Penstabilan Bekalan dan Harga Barangan Keperluan Harian itu mendapat kelulusan Kabinet dalam mesyuarat pada 26 Mac lalu.

"Jawatankuasa ini antara lain bertujuan memperkasa serta menstrukturkan kerjasama rentas kementerian yang sebelum ini digerakkan secara 'ad hoc' setiap kali menjelang musim perayaan.

"Ia akan dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar, dengan me-



Anwar diiringi Armizan beramah mesra bersama warga KPDN ketika hadir Majlis Sambutan Aidilfitri KPDN di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

syuarat pertama akan berlangsung bulan depan.

"Dari segi keanggotaan, ia akan turut disertai wakil Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Perlindungan dan Komoditi serta agensi dan industri berkaitan, dengan jawatankuasa bersidang setiap dua bulan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Sambutan Aidilfitri KPDN di sini semalam. Majlis itu disertai dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Armizan berkata, penubuhan jawatankuasa itu juga bertujuan untuk menambah baik bentuk kerjasama kepada gerak kerja yang lebih strategik dan berte-

rusan melalui mesyuarat serta pelaporan berkala.

"Jawatankuasa teknikal ini juga akan berperanan sebagai mekanisme amaran awal bagi memastikan isu berkaitan harga dan bekalan dapat ditangani dengan cekap serta berkesan," katanya.

Pertimbang pelan intervensi

Beliau berkata, melalui jawatankuasa teknikal itu, pemantauan dilaksanakan terhadap barangan seperti daging, ayam, telur, ikan, sayur-sayuran, beras, minyak masak dan barang keperluan asas lain yang menjadi permintaan pengguna.

Katanya, sekiranya dikesan wujud sebarang isu yang mem-

babitkan harga dan bekalan sesuatu barangan dalam pasaran, kerajaan akan mempertimbangkan pelan intervensi yang perlu dilaksanakan.

"Penubuhan jawatankuasa ini adalah pendekatan menyeluruh dalam mengurangkan isu terkait harga dan bekalan, sekali gus membantu menangani kos sara hidup rakyat selaras aspirasi Kerajaan MADANI," katanya.

Beliau berkata, walaupun sebelum ini, kerjasama di antara kementerian dilaksanakan secara ad-hoc, namun kerajaan dapat membendung elemen yang mengganggu bekalan barangan dan penstabilan harga.

Justeru itu, katanya, Kabinet

mahu pencapaian itu dapat diteruskan dan ditambah baik menerusi penubuhan jawatankuasa teknikal terabit.

Sebelum ini, pada Januari 2024, kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Tangani Harga Makanan, kluster yang diletakkan di bawah Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri.

KPDN bertindak sebagai Urusetia NACCOL untuk Mesyuarat Majlis Tertinggi, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif, Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan dan Mesyuarat Jawatankuasa Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Jawatankuasa stabil harga barang

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Penstabilan Bekalan dan Harga Barangan Keperluan Harian bagi menangani isu berbangkit termasuk harga barangan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, penubuhan jawatankuasa teknikal dipengerusikan Ketua Setiausaha, Datuk Seri Mohd. Sayuthi Bakar itu bertujuan memperkasa dan menstruktur kerjasama merentasi kementerian yang digerakkan secara *ad hoc* sebelum ini pada musim perayaan.

Menurut beliau, jawatankuasa itu juga menambah baik kerjasama kepada gerak kerja lebih strategik dan akan berterusan melalui mesyuarat dan pelaporan secara berkala.

"Kabinet bersetuju dengan penubuhan jawatankuasa itu yang akan melibatkan kerjasama rasmi merentasi kementerian.

"Jawatankuasa ini juga akan berperanan sebagai mekanisme amaran awal bagi memastikan isu-isu berkaitan harga dan bekalan dapat ditangani secara cekap dan berkesan," katanya pada



JAWATANKUASA Teknikal Penstabilan Bekalan akan bersidang setiap dua bulan bagi membincangkan mengenai harga barangan. – GAMBAR HIASAN

sidang akhbar selepas Majlis Sambutan Aidilfitri KPDN di sini.

Menurut Armizan, wakil Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Perladangan dan Komoditi agensi dan industri berkaitan akan berada dalam jawatankuasa itu yang akan bersidang setiap dua bulan.

Tambahnya, pelan intervensi

kerajaan akan dipertimbangkan sekiranya wujud isu-isu yang melibatkan harga dan bekalan di kesan di pasaran.

"Saya juga ingin sebut bahawa ini merupakan pendekatan *whole of nation* kerana bukan hanya melibatkan agensi kerajaan tetapi juga industri dalam membuat perancangan rapi daripada awal," katanya.

‘Amaran awal’ bendung isu harga barang, bekalan

Kabinet bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Penstabilan Bekalan dan Harga Barangan Keperluan Harian di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Ia berperanan sebagai mekanisme amaran awal bagi memastikan isu berkaitan harga dan bekalan dapat ditangani dengan cekap dan berkesan, selain memperkasa kerjasama rentasi kementerian yang digerakkan secara ‘ad hoc’ sebelum ini setiap kali menjelang musim perayaan.

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim → Nasional 3



KPDN tubuh jawatankuasa teknikal penstabilan bekalan dan harga barangan keperluan harian

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) semalam mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Penstabilan Bekalan dan Harga Barangan Keperluan Harian.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata perkara itu susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Mac, bersetuju dengan syor KPDN menubuhkan jawatankuasa itu yang berperanan memperkasakan kerjasama rentas kementerian untuk menangani isu berkaitan harga dan bekalan barang.

Beliau berkata jawatankuasa itu akan dipengerusikan Ketua Setiausaha KPDN Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar dan akan turut dianggotai wakil Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi dan agensi

berkaitan.

"Penubuhan jawatankuasa ini juga bertujuan menambah baik bentuk kerjasama ad hoc kepada gerak kerja yang lebih strategik dan berterusan.

"Alhamdulillah tahun ini kita dapat membendung elemen yang mengganggu bekalan barangan dan penstabilan harga, namun Kabinet mahu ia dapat diteruskan dan ditambah baik (menerusi jawatankuasa ini)," katanya dalam sidang media selepas Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPDN.

Mesyuarat pertama jawatankuasa itu bakal diadakan Mei ini dan akan bersidang setiap dua bulan.

Armizan berkata menerusi jawatankuasa itu, pemantauan akan dilaksanakan terhadap barang keperluan seperti daging, ayam, telur, beras dan minyak masak dengan pelan intervensi kerajaan akan dipertimbangkan sekiranya wujud isu harga dan bekalan di pasaran. — Bernama



PERJELAS: Armizan bercakap pada sidang media selepas Majlis Hari Raya Aidilfitri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) semalam. — Gambar Bernama

KPDN tubuh Jawatankuasa Teknikal Penstabilan Bekalan dan Harga Barangan Keperluan Harian



ARMIZAN

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) semalam mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Penstabilan Bekalan dan Harga Barangan Keperluan Harian.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, perkara itu susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Mac, bersetuju dengan syor KPDN menubuhkan jawatankuasa itu yang berperanan memperkasakan kerjasama rentas kementerian untuk menangani isu berkaitan harga dan bekalan barang.

Beliau berkata jawatankuasa itu akan dipengerusikan Ketua Setiausaha KPDN Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar dan akan turut dianggotai wakil Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi dan agensi berkaitan.

“Penubuhan jawatankuasa ini juga bertujuan menambah baik bentuk kerjasama ad hoc kepada gerak kerja yang lebih strategik dan berterusan.

“Alhamdulillah tahun ini kita dapat membendung elemen yang mengganggu bekalan barangan dan penstabilan harga, namun Kabinet mahu

ia dapat diteruskan dan ditambah baik (menerusi jawatankuasa ini),” katanya dalam sidang media selepas Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPDN.

Mesyuarat pertama jawatankuasa itu bakal diadakan Mei ini dan akan bersidang setiap dua bulan.

Armizan berkata menerusi jawatankuasa itu, pementauan akan dilaksanakan terhadap barang keperluan seperti daging, ayam, telur, beras dan minyak masak dengan pelan intervensi kerajaan akan dipertimbangkan sekiranya wujud isu harga dan bekalan di pasaran.

— Bernama

Technical Committee formed to stabilise prices

PUTRAJAYA: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) on Wednesday announced the establishment of a Technical Committee for the Stabilisation of Supply and Prices of Daily Necessities.

This follows the decision made at the Cabinet meeting on March 26, which approved KPDN's proposal to form the committee which would be tasked with strengthening cross-ministerial cooperation to address issues related to the pricing and supply of goods.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the committee would be chaired by KPDN Secretary-General Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar, with members from the Ministry of Agriculture and Food Security, the Ministry of Plantation and Commodities and other relevant agencies.

"The establishment of this committee also aims to improve the current ad hoc cooperation into a more strategic and continuous approach.

"Alhamdulillah, this year we have managed to curb elements that disrupted the supply of goods and price stability, but the Cabinet wants these efforts to continue and be enhanced through this committee," he told a press conference after KPDN's Hari Raya Aidilfitri celebration here.

The committee's first meeting is scheduled for May and will convene every two months.

According to Armizan, through the committee, monitoring will be carried out on essential items such as meat, chicken, eggs, rice and cooking oil.

Government intervention plans will be considered should any issues arise regarding pricing or supply in the market.

Meanwhile, KPDN, in collaboration with the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim), will take steps to remove any Indonesian food products containing porcine DNA from the local market, if such products are available in Malaysia.

Armizan said discussions had already been held with Jakim to ensure prompt action in withdrawing the affected products.

"Upon receiving the information, we immediately engaged with Jakim to facilitate the swift removal of the products from our market.

"We will coordinate with Jakim and state-level religious authorities, based on the announcement by Indonesia's halal authority. Immediate measures will be taken to address this matter," he said.

On Tuesday, Jakim ordered the immediate recall of several imported food products from Indonesia after tests revealed they contained porcine DNA.

Its Director-General Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee said the recall follows an announcement by Indonesia's Halal Product Assurance Agency (BPJPH), after a joint investigation with the National Agency of Drug and Food Control (BPOM) found traces of porcine DNA in 11 batches of nine food products.

KPDN, JAKIM to act in Indonesian food product containing porcine DNA — Armizan

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN), in collaboration with the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM), will take steps to remove any Indonesian food products containing porcine DNA from the local market, if such products are available in Malaysia.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said discussions had already been held with JAKIM to ensure prompt action in withdrawing the affected products.

"Upon receiving the information, we immediately engaged with JAKIM to facilitate the swift removal of the products from our

market.

"We will coordinate with JAKIM and state-level religious authorities, based on the announcement by Indonesia's halal authority. Immediate measures will be taken to address this matter," he told reporters after the ministry's Hari Raya Aidilfitri celebration, which was also attended by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

On Tuesday, JAKIM ordered the immediate recall of several imported food products from Indonesia after tests revealed they contained porcine DNA.

Its director-general, Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee, said the

recall follows an announcement by Indonesia's Halal Product Assurance Agency (BPJPH), after a joint investigation with the National Agency of Drug and Food Control (BPOM) found traces of porcine DNA in 11 batches of nine food products.

Of these, nine batches from seven products were found to have halal certification, while two batches from two products were uncertified, as listed at <https://bpjph.halal.go.id/detail/siaran-pers>.

For the record, KPDN and JAKIM regularly collaborate on matters related to halal logo misuse and consumer affairs. — Bernama

Ministry forms Technical Committee to stabilise prices and supply of daily necessities

PUTRAJAYA: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Wednesday announced the establishment of a Technical Committee for the Stabilisation of Supply and Prices of Daily Necessities.

This follows the decision made at the Cabinet meeting on March 26, which approved KPDN's proposal to form the committee which would be tasked with strengthening cross-ministerial cooperation to address issues related to the pricing and supply of goods.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the committee would be chaired by KPDN secretary-general Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar, with members

from the Ministry of Agriculture and Food Security, the Ministry of Plantation and Commodities, and other relevant agencies.

"The establishment of this committee also aims to improve the current ad hoc cooperation into a more strategic and continuous approach.

"Alhamdulillah, this year we have managed to curb elements that disrupted the supply of goods and price stability, but the Cabinet wants these efforts to continue and be enhanced through this committee," he told a press conference after KPDN's Hari Raya Aidilfitri celebration here.

The committee's first meeting is scheduled for May and will convene every two months. — Bernama

Call for govt to reconsider MySTEP employment scheme for price monitoring officers

KUALA TERENGGANU:

The Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (CUEPACS) is calling on the government to reconsider its plan to implement the MySTEP employment scheme for Price Monitoring Officers (PPH) under the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

CUEPACS president Datuk Adnan Mat expressed strong opposition to the move, warning that the shift to the MySTEP scheme, which offers significantly lower wages than the current Contract for Service (CFS) arrangement, would severely impact the quality of life for these officers.

"Many of these price monitors have served for over 18 years and have demonstrated unwavering commitment throughout their careers," he said.

"They've built their lives around the existing CFS pay structure, which includes financial responsibilities and obligations. Reassigning them to MySTEP would deliver a harsh economic and social blow to nearly 18,000 workers," he said when asked at the Syawal Ceria MADANI Aidilfitri celebration hosted by CUEPACS here Wednesday.

Adnan said that the MySTEP scheme removes many of the welfare benefits currently enjoyed by officers under the CFS system.

"They will lose a lot of benefits, including paid leave, medical coverage, and contributions to the Employees Provident Fund (EPF) and the Social Security Organisation (Socso)," he said.

In light of this, Adnan said CUEPACS is urging the government to consider offering permanent positions to the officers or, at the very least, upgrading their status to the more secure Contract of Service (COS) scheme.

"These officers have served with dedication for nearly two decades, playing a vital role in ensuring price stability across the country. It is only fair that their contributions be recognised with better job security and career prospects."

"CUEPACS would also like to stress that any change to the employment status of these PPH will have to prioritise their wellbeing, including in terms of job security, salary increment, perks and benefits, as well as EPF and Socso coverage," he added. — Bernama

Produk makanan ada DNA babi dikeluarkan dari pasaran

PUTRAJAYA: Kerajaan akan memastikan semua produk makanan yang diimport termasuk dari Indonesia dikeluarkan segera daripada pasaran jika didapati mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) babi.

Menteri Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, pihaknya akan bekerjasama rapat dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi memastikan perkara itu dilaksanakan.

“Kita akan bekerjasama rapat dengan Jakim dan agensi agama di peringkat negeri, bersandarkan kepada pengumuman yang dibuat oleh badan pensijilan halal di Indonesia.

“Justeru, kita akan ambil tindakan segera untuk menangani perkara ini,” katanya menerusi sidang akhbar pada Majlis Sambutan Aidilfitri KPDN di sini hari ini yang dimeriahkan dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebelum ini, Jakim mengarahkan pengimport menarik balik produk makanan Indonesia yang didapati mengandungi DNA babi dari pasaran tempa-



Jakim mengarahkan pengimport menarik balik produk makanan Indonesia yang didapati mengandungi DNA babi dari pasaran tempatan.”

tan susulan pengumuman rasmi oleh Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal (BPJPH) dan Badan Pengawas Obat dan Makanan (BPOM) Republik Indonesia semalam berhubung penarikan balik produk terabit.

Berdasarkan siaran media rasmi BPJPH, hasil peman-tauan bersama dengan BPOM mendapati 11 kelompok daripada sembilan produk makanan dikesan mengandungi DNA babi (porcine) melalui analisis makmal.

KPDN, Jakim to act on Indonesian food products containing porcine DNA – Armizan

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN), in collaboration with the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim), will take steps to remove any Indonesian food products containing porcine DNA from the local market if such products

are available in Malaysia.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said discussions had already been held with Jakim to ensure prompt action in withdrawing the affected products.

"Upon receiving the information, we immediately engaged with Jakim to facilitate

the swift removal of the products from our market.

"We will coordinate with Jakim and state-level religious authorities, based on the announcement by Indonesia's halal authority. Immediate measures will be taken to address this matter," he said.

He was met by reporters after the ministry's Hari Raya Aidilfitri celebration, which was also attended by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

On Tuesday, Jakim ordered the immediate recall of several imported food products from Indonesia after tests revealed

they contained porcine DNA.

Its director-general Datuk Dr Sirajuddin Suhaimi said the recall follows an announcement by Indonesia's Halal Product Assurance Agency, after a joint investigation with the National Agency of Drug and Food Control found traces of porcine

DNA in 11 batches of nine food products.

Of these, nine batches from seven products were found to have halal certification, while two batches from two products were uncertified, as listed at <https://bpjph.halal.go.id/detail/siaran-pers>. — Bernama

DNA babi: KPDN, Jakim teliti produk dari Indonesia

PUTRAJAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menggunakan bidang kawal selianya untuk mengeluarkan produk makanan dari Indonesia yang didapati mengandungi DNA babi (porsin), jika produk terbabit berada dalam pasaran tempatan.



ARMIZAN

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, tindakan itu dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan kedua-dua pihak juga telah mengadakan perbincangan berhubung perkara berkenaan.

"KPDN akan bekerjasama dengan Jakim dan agensi agama pada peringkat negeri bersandarkan kepada pengumuman badan halal Indonesia. Kita akan ambil tindakan segera menangani perkara ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPDN di sini pada Rabu.

Pada Selasa, Jakim mengarahkan pengimport yang membawa masuk produk makanan daripada pasaran Indonesia mengandungi DNA babi untuk menarik balik produk terbabit daripada pasaran Malaysia.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee berkata, arahan itu susulan pengumuman rasmi Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal (BPJPH) dan Badan Pengawas Obat dan Makanan (BPOM) Republik Indonesia pada Isnin, berhubung penarikan balik produk terbabit.

Sementara itu, Armizan berkata, KPDN akan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Penstabilan Bekalan dan Harga Barangan Keperluan Harian.

Jelasnya, perkara itu susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Mac lalu bersetuju dengan syor KPDN menubuhkan jawatankuasa itu yang berperanan memperkaskan kerjasama rentas kementerian untuk menangani isu berkaitan harga dan bekalan barang.

- Bernama

DNA babi: KPDN, JAKIM bekerjasama keluarkan produk terlibat daripada pasaran tempatan

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menggunakan bidang kawal selianya untuk mengeluarkan produk makanan dari Indonesia yang didapati mengandungi DNA babi (porsin), jika produk terbabit berada dalam pasaran tempatan.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata tindakan itu dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kedua-dua pihak juga telah mengadakan perbincangan berhubung perkara berkenaan.

"KPDN akan bekerjasama dengan JAKIM dan agensi agama pada peringkat negeri bersandarkan kepada pengumuman badan halal Indonesia. Kita akan ambil tindakan segera menangani perkara ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Sambutan Hari Raya

Aidilfitri KPDN di sini semalam.

Majlis itu turut dimeriahkan dengan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kelmarin, JAKIM mengarahkan pengimport yang membawa masuk produk makanan daripada pasaran Indonesia yang mengandungi DNA babi untuk menarik balik produk terbabit daripada pasaran Malaysia.

Ketua Pengarah JAKIM Datuk Dr Sirajuddin Suhaimi berkata arahan itu susulan pengumuman rasmi Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal (BPJPH) dan Badan Pengawas Obat dan Makanan (BPOM) Republik Indonesia pada Isnin, berhubung penarikan balik produk terbabit.

Senarai produk boleh disemak menerusi <https://bpjph.halal.go.id/detail/siaran-pers>. — Bernama

DNA babi: KPDN, JAKIM bekerjasama keluarkan produk terlibat daripada pasaran tempatan

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menggunakan bidang kawal selainya untuk mengeluarkan produk makanan dari Indonesia yang didapati mengandungi DNA babi (porsin), jika produk terbabit berada dalam pasaran tempatan.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkatatindakan itu dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kedua-dua pihak juga telah mengadakan perbincangan berhubung perkara berkenaan.

"KPDN akan bekerjasama dengan JAKIM dan agensi agama pada peringkat negeri bersandarkan kepada pengumuman badan halal Indonesia. Kita akan ambil tindakan segera menangani perkara ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Sambutan Hari

Raya Aidilfitri KPDN di sini semalam.

Majlis itu turut dimeriahkan dengan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kelmarin, JAKIM mengarahkan pengimport yang membawa masuk produk makanan daripada pasaran Indonesia yang mengandungi DNA babi untuk menarik balik produk terbabit daripada pasaran Malaysia.

Ketua Pengarah JAKIM Datuk Dr Sirajuddin Suhaimi berkata arahan itu susulan pengumuman rasmi Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal (BPJPH) dan Badan Pengawas Obat dan Makanan (BPOM) Republik Indonesia pada Isnin, berhubung penarikan balik produk terbabit.

Senarai produk boleh disemak menerusi <https://bpjph.halal.go.id/detail/siaran-pers>. — Bernama



BINCANG: Anwar hadir pada Majlis Hari Raya Aidilfitri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) semalam. — Gambar Bernama

(布城 23 日讯) 内阁同意成立必需品供应和价格稳定技术委员会，这个以国内贸易及生活成本部秘书长为首的委员会，将通过预警机制，高效且有效的解决价格和供应的问题。

内贸部长拿督阿米占说，委员会成员包括农业及粮食安全部和种植及原产业部，以及相关机构和工商界代表。

他说，内贸部今日向内阁会议提呈监督行动执法行动内阁报告，这也是继内阁于 3 月 26 日同意内贸部成立该技术委员会的后续跟进。

他说，成立技术委员会是为了强化和制度化此前为了应对佳节必需品价格和供应属于临时性的跨部门合作。

阿米占出席部门开斋节茶会后，召开新闻发布会，宣布上述技术委员会的成立。

首相拿督斯里安华、

内贸部为首跨部门技术委会 强化供应预警稳定物价

通讯部长拿督法米、首相署（宗教事务）部长拿督纳因等出席茶会。

阿米占说，于斋戒月和开斋节期间（3 月 2 日至 30 日）展开的监督行动，总共检查了在全国的 7 万 906 家各类的店铺，受对付案件 390 宗。

两个月开会一次

他说，委员会将会每两个月开会一次，首次的会议预计在 5 月召开，委员会工商界的代表分永久性和受邀性质。

“技术委员会将监督肉类、鸡肉、鸡蛋、鱼类、蔬菜、白米、食用油和其



安华（右三）出席内贸部开斋节茶会，左四和右二是阿米占及法米。

他必需品的供应和价格，如果市场出现跟价格和供应有关的问题时，将会有政府介入的考量。

“因为气候或国内某些因素促成问题，将通过这个预警机制的技术委员会去马上解决，假设需要

增加进口，委员会将寻求相关机构的代表参与讨论。”

阿米占：加強跨部門合作 設委會監控食品價



安华（中）出席国内贸易及生活费部开斋节庆祝活动，出席者包括阿米占（左四）、通讯部长拿督法米（右三）及首相署（宗教事务）部长拿督纳因莫达（右二）等人。（马新社图）

（布城23日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿米占透露，内阁已同意成立一个技术委员会，以确保必需食品的价格和供应受控。

他说，这项举措是为了改善现有稳定食品价格与供应的机制，即在过去仅于每个节庆期间落实统制品顶价政策控制物价。

“成立此技术委员会，是为了加强跨部门的合作机制，以前在节庆前都只是临时动员处理必需品价格和供应的问题。

“有了这个技术委员会，我们可以更早进行规划。”

阿米占是于今日内贸部开斋节活动后，召开记者会这么指出。

他指出，相关技术委员会首次会议将于5月召开，由内贸部秘书长主持。

“这是个全民行动，因为涉及政府机构和业者。”

他补充，委员会将由3个主要部门组成，即内贸部、种植与原产业部和农业及粮食安全部。

含猪源DNA印尼清真食品将下架

另外，阿米占表示，一旦发现进口自印尼的清真食品中含有猪源DNA（porcine DNA），内贸部将配合大马伊斯兰发展局（JAKIM）将这些产品从本地市场下架。

他指出，在印尼部分进口清真食品

被检测出含有猪源DNA并被召回后，内贸部已与JAKIM展开讨论。

“我们已经与JAKIM讨论，确保这些产品一旦发现便立即下架。

“我们将与JAKIM及各州宗教机构合作，若市场上仍有这类产品，将会被下架。”

JAKIM于本月22日下令召回部分进口清真食品，这是因为印尼清真产品保障机构与国家食品药品监督管理局联合调查后，发现9种产品中的11批次食品含有猪源DNA。

其中，有7种产品的9批次食品拥有清真认证的，另有2种产品的2批次未获认证。

若清真产品含猪DNA成分 内贸部将联手JAKIM下架

【布城 23 日讯】国内贸易及生活成本部长拿督阿米占表示，若市场上出现含有猪只脱氧核糖核酸成分的产品，该部将与伊斯兰发展局（JAKIM）合作将之下架。

他是针对伊斯兰发展局指示印尼食品进口商，立即下架被检出含有猪只脱氧核糖核酸（DNA）成分的产品的问题时，如是表示。

伊斯兰发展局总监拿督斯里昔拉祖丁周二发文称，根

据印尼政府清真认证局官方声明，该局在与印尼食品药物管理局进行联合监测时发现，11 个批次的 9 种产品被经实验室检测出猪只 DNA 成分。

他说，在这些产品中，共有 9 个批次的 7 种产品持有清真证书，而另外 2 个批次的 2 种产品则未获得清真认证，因此印尼当局立刻召回印尼市场上被发现含有猪只 DNA 成分的产品。

昔拉祖丁也促请印尼食品

相关进口商尽快联系该局，以便采取后续行动。

阿米占今天（23 日）在部门出席开斋节庆祝活动后，在记者会上如是表示。

物价供应稳定技委会 加强跨部门之间合作

此外，首相拿督斯里安华也出席这项庆祝，获得部门及公务员的热烈欢迎。随同的内阁成员包括通讯部长拿督法米等。

另一方面，阿米占也表示，内阁今天同意成立物价与供应稳定技术委员会，以冀加强跨部门之间的合作。

他说，在这之前，这种跨部门间的合作只有在佳节或出现课题时才联手，如今成立该技术委员会，除了该部之外，尚有农业及粮食安全部及种植及原产部及相关领域。

阿米占说，该技术委员会将由国内贸易及生活成本部秘书长领导，并定期每两个月召开会议，而首次将会于 5 月份召开。

他说，该委员会也会扮演一个预警系统，来确保更有效处理及解决价格和供应相关的问题。#



首相安华（坐者右 4）偕同内阁成员出席内贸部开斋节庆祝活动，一起共餐。坐者右 3 起为法米、阿米占。

(布城23日讯) 国内贸易及生活成本部将和大马伊斯兰发展局(JAKIM)合作, 依据其监管权限, 把被发现含有猪只脱氧核糖核酸(DNA)的印尼食品从本地市场下架。

内贸部长拿督阿米占莫哈末阿里指出, 该部已与JAKIM展开讨论, 双方将合作采取上述行动。

“内贸部将依据印尼清真机构的宣布, 与JAKIM和州级宗教单位合作, 我们将立即采取行动应对此事。”

他今日出席内贸部开斋节活动后这么告诉媒体。

召回產品

首相拿督斯里安华、通讯部长拿督法米和首相署(宗教事务)部长拿督莫哈末纳因也有出席该活动。

JAKIM昨天指示那些从印尼进口获得清真标签, 却被指含有猪肉成分食品的商家下架这些

印尼食品含猪DNA下架 内貿部JAKIM合作行動

商品, 并立刻联络当局。

该局总监拿督昔拉祖丁指

出, 有关指示是在印尼伊斯兰

食品认证局(BPJPH)与印尼

食品与药物管理局(BPOM)于周一发布有关召回相关产品的正式声明后, 所作出的应对措施。

相关产品清单可通过网站<https://bpjph.halal.go.id/detail/siaran-pers>查询。



左4起为阿米占、法米和莫哈末纳因。
■安华(坐者中) 出席内贸部开斋节活动。

Kaji semula skim MySTEP kepada pegawai pemantau harga

Gaji jauh lebih rendah berbanding CFS yang dinikmati ketika ini

KUALA TERENGGANU: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menggesa kerajaan supaya mempertimbangkan semula pelaksanaan skim MySTEP kepada pegawai pemantau harga (PPH), yang berkhidmat di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Presiden CUEPACS Datuk Adnan Mat berkata pihaknya membantah pelaksanaan skim itu, yang dilihat akan menjejaskan kualiti kehidupan PPH, kerana jurang gaji yang jauh lebih rendah berbanding skim kontrak untuk perkhidmatan (CFS) yang dinikmati ketika ini.

“Atas pengalaman pemantau harga yang telah pun berkhidmat lebih 18 tahun, sudah pastilah memberi komitmen tinggi dalam perkhidmatan mereka sebelum ini.

“Mereka telah pun ada tanggungan tertentu dengan sistem gaji di bawah CFS sebelum ini. Jadi, langkah menurunkan mereka kepada skim MySTEP akan memberi kesan ekonomi dan sosial yang teruk kepada 18,000 pekerja ini,” katanya ketika ditemui pada Majlis Sambutan Syawal Ceria MADANI CUEPACS Negeri Terengganu di sini semalam.

Beliau berkata pelaksanaan skim MySTEP juga



MESRA: Adnan (tiga kanan) beramah mesra bersama kakitangan awam pada Majlis Sambutan Syawal Ceria MADANI CUEPACS di Rembulan Event, Chendering semalam. — Gambar Bernama

menghilangkan banyak aspek kebajikan yang dinikmati PPH berbanding skim CFS pada masa ini.

“Banyak faedah akan hilang seperti cuti rehat, kemudahan perubatan, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Pekerja (PERKESO),” katanya.

Sehubungan itu, Adnan berkata CUEPACS mencadangkan supaya kerajaan memberikan status perjawatan tetap kepada PPH, atau sekurang-kurangnya ditambah baik kepada skim kontrak perkhidmatan (COS).

“Mereka telah pun ada tanggungan tertentu dengan sistem gaji di bawah CFS sebelum ini. Jadi, langkah menurunkan mereka kepada skim MySTEP akan memberi kesan ekonomi dan sosial yang teruk kepada 18,000 pekerja ini.”

Datuk Adnan Mat
Presiden CUEPACS

“PPH telah berkhidmat dengan penuh dedikasi selama hampir dua dekad dalam memastikan kestabilan harga barang di negara ini. Justeru, mereka wajar

diberikan pengiktirafan dan jaminan kerjaya yang lebih baik sebagai penghargaan atas sumbangan mereka kepada negara,” katanya. — Bernama

Akur mansuh pencen

- Cuepacs tidak gugat faedah sedia ada
- Skim baharu mesti sesuai dengan penjawat awam

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU — Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akur sekiranya skim pencen terpaksa dimansuhkan asalkan pembaharuan bakal diperkenalkan kelak tidak menggugat faedah sedang dinikmati penjawat awam kini.

Presiden Cuepacs, Datuk Dr. Adnan Mat berkata, pihaknya menaruh keyakinan skim baharu yang sedang dirangka kerajaan itu bersesuaian dengan kumpulan kerja generasi baharu perkhidmatan awam.

"Cuepacs telah dimaklumkan sejak 20 Jun 2023 lagi (bahawa) Jawatankuasa Kabinet memutuskan tiada lagi skim pencen.

"Cuepacs tiada masalah jika kerajaan ingin mencadangkan skim menggantikan pencen tetapi hendaklah berlandaskan prinsip faedah diterima kelak tidak kurang daripada diterima ketika ini," katanya pada majlis Syawal Ceria Madani anjuran Cuepacs Terengganu di sini semalam.

Adnan mengakui pada mulanya, Cuepacs menolak cadangan penggantian skim pencen tersebut.

Begitupun, beliau menjelaskan, Cuepacs akhirnya memahami rasional cadangan kerajaan tersebut selepas dibentangkan kedudukan kewangan negara oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

"Saban tahun tanggungan pencen semakin meningkat yang dikhuatiri akan datang akan melemahkan perbelanjaan emolu-



ADNAN (kanan) beramah mesra dengan sebahagian kakitangan kerajaan pada majlis Syawal Ceria Madani di Kuala Terengganu semalam.

men pencen sehingga terpaksa mengurangkan tumpuan pembangunan.

"Cuepacs juga bertanggungjawab memastikan kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terpelihara," katanya.

Dalam perkembangan sama, Adnan turut memohon kerajaan agar membuka ruang kepada Cuepacs memberi maklum balas terhadap skim dan dasar baharu lantikan perkhidmatan awam itu sebelum ia dimuktamadkan.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau merayu pertimbangan kerajaan agar membatalkan hasrat menyerap 18,000 Pegawai Pemantau Harga

(PPH) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang kini berstatus kontrak untuk perkhidmatan kepada skim pekerjaan jangka pendek (MyStep).

"Tawaran penukaran kepada skim MyStep ini ibarat 'turun darjat' kerana faedah perkhidmatannya jauh lebih rendah berbanding status kontrak untuk perkhidmatan sedang dinikmati.

"PPH ini sudah banyak membantu KPDN sejak 18 tahun lalu. Kerajaan dirayu beri pertimbangan sekurang-kurangnya menaikkan mereka untuk status kontrak dalam perkhidmatan yang lebih menjamin kebajikan," katanya.

Sudah lama berkhidmat, tetapi tidak menerima sebarang faedah

Kerajaan perlu serap 18,000 kakitangan skim MySTEP

Oleh ZAID MOHD. NOOR

zaidn@utusan.com.my

KUALA TERENGGANU: Kerajaan diminta menyerap kira-kira 18,000 pegawai pemantau harga di bawah program pekerjaan sementara (MySTEP) ke jawatan tetap atau kontrak. Ini berikutan mereka sudah

lama berkhidmat di bawah skim itu yang tidak menawarkan sebarang faedah seperti cuti rehat, perubatan dan tidak menerima caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhid-

matan Awam (CUEPACS), Datuk Adnan Mat berkata, pada masa sama pegawai pemantau yang berkhidmat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) itu berperanan besar dalam memantau harga barang di seluruh negara. Katanya, sebahagian besar daripada mereka berkelulusan

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan gaji sekitar RM1,500 sebulan. Katanya, mereka adalah penjawat awam barisan hadapan dalam memastikan kestabilan harga barang patut mendapat layanan lebih baik seperti jawatan tetap atau kontrak.

Bersambung di muka 3

Kerajaan perlu serap 18,000 kakitangan skim MySTEP

Dari muka 1

CUEPACS bantah pelaksanaan Skim MySTEP kepada PPH kerana ia akan menghakis kestabilan pekerjaan serta hak kebajikan mereka.

"PPH sudah berkhidmat selama 18 tahun sejak 2008 mengikut sistem Kontrak Perkhidmatan, kini dicadangkan ditukarkan kepada Skim MySTEP iaitu penurunan gred tanpa jaminan kestabilan pekerjaan dan faedah kebajikan sewajarnya," katanya pada Majlis Sambutan Syawal Ceria Madani anjuran Cuepacs Negeri Terengganu di sini, semalam.

PPH berperanan memastikan kestabilan harga barang dan membendung manipulasi harga yang boleh membebankan rakyat.

Adnan berkata, kebimbangan CUEPACS ialah menjelang 2025, status kontrak PPH akan mencapai 18 tahun tanpa sebarang kenaikan tangga gaji mahupun peningkatan taraf jawatan.

Katanya, sepanjang tempoh 18 tahun perkhidmatan, pelbagai cadangan dikemukakan bagi memastikan PPH mendapat status perjawatan lebih stabil, termasuk kenaikan taraf kepada sekurang-kurangnya Kontrak Perkhidmatan tetapi tiada tin-

dakan konkrit diambil. "CUEPACS bantah pelaksanaan Skim MySTEP kepada PPH kerana ia akan menghakis kestabilan pekerjaan serta hak kebajikan mereka, malah skim berasaskan kontrak jangka pendek ini juga tidak wajar diteruskan me-

mandangkan ia tidak menjamin peningkatan pendapatan dan kestabilan pekerjaan," katanya.

Adnan berkata, CUEPACS menggesa kerajaan agar menilai semula keputusan pelaksanaan

Skim MySTEP kepada PPH dan mengambil langkah proaktif dalam memperjuangkan kebajikan serta kestabilan pekerjaan mereka.

Menurutnya, PPH sudah berkhidmat dengan penuh dedikasi hampir dua dekad dalam memastikan kestabilan harga barang di negara ini, justeru, mereka wajar diberikan pengiktirafan dan jaminan kerja lebih baik sebagai penghargaan atas sumbangan kepada negara.

Sebarang bentuk perubahan dalam status perjawatan PPH mesti mengambil kira kepentingan kebajikan pekerja, termasuk jaminan pekerjaan, kenaikan gaji, faedah kebajikan serta perlindungan KWSP dan Perkeso.

Sementara itu, beliau mengingatkan penjawat awam tidak melakukan komen-jelik dalam media sosial sehingga menjejaskan nama baik jabatan kerajaan.

Katanya, penjawat awam tidak seharusnya menggunakan media sosial untuk meluahkan perasaan tidak puas hati terha-

dap sesuatu isu yang berbangkit.

"Majikan kami adalah kerajaan dan dalam masa sama kerajaan kini sentiasa mendengar kehendak penjawat awam dan kerajaan sentiasa membuka ruang kepada mereka untuk menyampaikan ketidakpuasan hati," katanya.

Adnan berkata, CUEPACS berdukacita dengan komen-komen yang jelik dilakukan penjawat awam kepada majikan sendiri.

"Ini adalah satu amalan yang tidak boleh diterima dan kita tidak bertolak ansur dalam hal ini."

"Ketika kita berada dalam proses rundingan Sistem Peredaran Perkhidmatan Awam, terutama dalam fasa berikutnya, komen-komen jelik ini tidak patut berlaku," ujarnya.

Media sebelum ini melaporkan 18 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menerima surat peringatan manakala seorang bomba bantuan digantung tugas selama tiga bulan kerana melanggar etika penggunaan media sosial dalam tempoh dua tahun lalu.



Latihan

ANGGOTA 69 Komando melakukan demonstrasi menghadapi ancaman penganas dan menyelamatkan tebusan ketika Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Maritim Skuadron Alpha 69 Komando di perairan Pulau Langkawi baru-baru ini. - UTUSAN/SHAHIR NOORDINI (Berita di muka 6)

Cuepacs bimbang pelaksanaan Skim MySTEP kepada PPH

Kuala Terengganu:

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyuarakan kebimbangan dan ketidakpuasan hati terhadap pelaksanaan Skim MySTEP kepada pegawai pantau harga (PPH) yang berkhidmat di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Presiden Cuepacs Datuk Dr Adnan Mat berkata, PPH sudah berkhidmat selama 18 tahun sejak 2008 di bawah sistem *Contract For Service* namun kini dicadangkan untuk ditukarkan kepada Skim MySTEP iaitu diturunkan gred tanpa jaminan kestabilan pekerjaan dan faedah kebajikan yang sewajarnya.

Menurutnya, kepentingan PPH iaitu mereka memainkan peranan penting dalam pemantauan pergerakan harga 480 jenis barangan (*Stock Keeping Unit - SKU*).

“Selain itu, mereka terlibat secara langsung dalam program utama kerajaan antaranya Program Pengedaran Barang Perlu, Jualan Rahmah Madani, Kempen Beli Barangan Malaysia, Promosi aplikasi *Price Catcher* dan Advokasi kepenggunaan kepada masyarakat.

“Tugas ini amat penting dalam memastikan kestabilan harga barang dan membendung manipulasi harga yang boleh membahayakan rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media pada majlis Sambutan Hari Raya di Chendering di sini, semalam.

Menurutnya, isu dan kebimbangan iaitu menjelang tahun 2025, status kontrak PPH akan mencapai 18 tahun tanpa sebarang kenaikan tangga gaji mahupun peningkatan taraf jawatan.

Namun cadangan KPDN untuk menukar skim perjawatan kepada MySTEP membangkitkan beberapa isu utama iaitu Skim MySTEP hanya menawarkan kontrak jangka pendek yang tidak menjamin kestabilan pekerjaan.

Beliau berkata, PPH akan kehilangan faedah seperti cuti rehat dan kemudahan perubatan yang dinikmati pegawai kerajaan lain.

Menurutnya, selain itu PPH tidak akan menerima caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) di bawah Skim MySTEP, menyebabkan mereka tidak mempunyai simpanan persaraan dan perlindungan keselamatan sosial.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 24 APRIL 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Apr	KPDN tubuh Jawatankuasa Teknikal Penstabilan Bekalan dan Harga Barangan Keperluan Harian	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/kpdn-tubuh-jawatankuasa-teknikal-penstabilan-bekalan-dan-harga-barangan-keperluan-harian/#google_vignette	UTUSAN
24-Apr	Jawatankuasa Teknikal Penstabilan Bekalan dan Harga Barangan Keperluan Harian tangani isu berbangkit	https://www.kosmo.com.my/2025/04/23/jawatankuasa-teknikal-penstabilan-bekalan-dan-harga-barangan-keperluan-harian-	KOSMO
24-Apr	Kerajaan tubuh jawatankuasa teknikal rentas kementerian stabilkan bekalan, harga barang - Armizan	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/04/1387993/kerajaan-tubuh-jawatankuasa-teknikal-rentas-kementerian-	BERITA HARIAN
24-Apr	KPDN, Jakim pastikan produk Indonesia ada DNA babi dikeluarkan segera	https://malaysiagazette.com/2025/04/23/kpdn-jakim-pastikan-produk-indonesia-ada-dna-babi-	MALAYSIA GAZETTE
24-Apr	KPDN, JAKIM kerjasama keluarkan produk Indonesia ada DNA babi di pasaran	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/04/1387965/kpdn-jakim-kerjasama-keluarkan-produk-indonesia-ada-dna-babi-di-	BERITA HARIAN
24-Apr	KPDN kerjasama dengan JAKIM, teliti produk ada DNA babi dari Indonesia	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kerjasama-dengan-jakim-teliti-produk-ada-dna-babi-dari-indonesia/	TV3
24-Apr	Produk makanan dari Indonesia ada DNA babi dikeluarkan dari pasaran	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/produk-makanan-dari-indonesia-ada-dna-babi-dikeluarkan-	UTUSAN

24-Apr	Domestic trade ministry, Jakim working to remove Indonesian products with porcine DNA	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/04/1206191/domestic-trade-ministry-jakim-working-remove-indonesian-products-	NEW STRTAITS TIMES
24-Apr	CUEPACS bantah Skim MySTEP kepada pegawai pemantau harga	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1210833/cuepacs-bantah-skim-mystep-kepada-pegawai-pemantau-harga	HARIAN METRO
24-Apr	KPDN, Jakim kerjasama keluarkan produk Indonesia ada DNA babi di pasaran	https://www.bernamabiz.com/news.php?id=2415960/	BERNAMA
24-Apr	KPDN, Jakim kerjasama keluarkan produk Indonesia ada DNA babi di pasaran	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-jakim-kerjasama-keluarkan-produk-indonesia-ada-dna-babi-di-pasaran-517851?	ASTRO AWANI
24-Apr	KPDN, JAKIM pastikan produk Indonesia ada DNA babi dikeluarkan serta-merta	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-jakim-pastikan-produk-indonesia-ada-dna-babi-dikeluarkan-serta-merta	RTM
24-Apr	KPDN tubuhkan jawatankuasa teknikal, tangani isu harga barangan keperluan	https://www.tvsarawak.my/2025/04/23/kpdn-tubuhkan-jawatankuasa-teknikal-tangani-isu-harga-barangan	TVS
24-Apr	KPDN tubuh jawatankuasa teknikal tangani isu bekalan, harga barangan keperluan	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/04/23/kpdn-tubuh-jawatankuasa-teknikal-tangani-isu-bekalan-harga-barangan-keperluan	FREEMALAYSIATODAY